B. Kenal pasti kesalahan tatabahasa dalam ayat di bawah.

1. <u>Penglibatan</u> (A) golongan belia di sini dalam <u>penyalahgunaan</u> (B) dadah amat membimbangkan pelbagai pihak <u>di negara kami</u> (C). <u>Tiada kesalahan</u> (D).

2. Gadis itu <u>memperlembutkan</u> (A) suaranya apabila memujuk <u>pelanggannya</u> (B) untuk membeli produk jualannya <u>berasaskan</u> (C) herba. <u>Tiada kesalahan</u> (D).

3. Dia tetap meneruskan <u>lariannya</u> (A) walaupun sudah ada tanda yang <u>menunjukkan bahawa</u> (B) hujan akan <u>turun dengan lebat</u> (C) tidak lama lagi. <u>Tiada kesalahan</u> (D).

4. <u>Berdasarkan laporan</u> (A) yang <u>mereka terima</u> (B) semalam, <u>sebanyak lima orang</u> (C) terperangkap dalam kejadian runtuhan tanah setakat ini. <u>Tiada kesalahan</u> (D).

5. Kegiatan <u>menyeludup</u> (A) bahan api ke negara jiran masih berlaku walaupun <u>pelbagai langkah</u> (B) telah diambil pihak <u>penguat kuasa</u> (C) negara ini. <u>Tiada kesalahan</u> (D).

6. Pada setiap tahun, <u>ribuan pelajar</u> (A) melanjutkan <u>penggajian</u> (B) dalam pelbagai bidang mengikut minat dan kebolehan <u>masing-masing</u> (C). <u>Tiada kesalahan</u> (D).

7. <u>Industri perbuatan</u> (A) di negara ini berpotensi untuk dimajukan kerana mampu <u>mewujudkan</u> (B) peluang <u>pekerjaan</u> (C) yang banyak kepada rakyat tempatan. <u>Tiada kesalahan</u> (D).

8. <u>Siapa sahaja</u> (A) yang disyaki terlibat dengan kegiatan jenayah akan <u>ditangkap pihak polis</u> (B) bagi membendung perkara yang tidak diingini daripada berlaku <u>di tanah air</u> (C) tercinta ini. <u>Tiada kesalahan</u> (D).

9. <u>Perlanggaran</u> (A) antara kereta dengan sebuah lori di persimpangan itu telah menyebabkan berlakunya <u>kesesakan lalu lintas</u> (B) selama <u>dua jam setengah</u> (C). <u>Tiada kesalahan</u> (D).



LIVEWORKSHEETS

10. Rakyat diseru agar mempraktikkan amalan gaya hidup sihat bagi menjamin kesihatan
A B
yang lebih baik sepanjang masa dan menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik.
C

Tiada kesalahan.
D

LIVEWORKSHEETS